


# Israel Tidak Mungkin Akan Berjaya Menghapuskan Hamas Melalui Perang Darat Menurut John Mearsheimer

Transliterasi oleh: Syed Ahmad Fathi (fathi137@gmail.com)

Menurut John Mearsheimer, penjajahan darat Israel ke atas Gaza akan menjadi malapetaka besar buat Israel jika ia berlaku. Israel tidak mungkin akan berjaya menghapuskan Hamas. Dalam proses ini, Israel akan menghadapi kematian askar yang sangat banyak dan posisi Israel di mata dunia akan terhakis dengan begitu signifikan. Posisi Israel di mata dunia sebenarnya sudah pun terhakis dengan kadar yang sangat pantas sekarang, ini akan berterusan dan akan menjadi lebih buruk. Kemasukan tentera darat juga akan mengundang kepada merebaknya perang ini, Hezbollah dan Iran kemungkinan akan menyertai perang ini jika Israel masuk ke Gaza melalui darat. Perkara ini bukan sahaja akan menjadi buruk kepada Israel, ia juga adalah sesuatu yang buruk buat Amerika Syarikat.

Terdapat 3 isu utama dalam kita menganalisa Perang Israel-Palestin yang kembali memuncak pada 7 Oktober 2023. Imej Israel pada permulaan 07 Oktober 2023 berada dalam keadaan yang baik, semua kerajaan Barat termasuk banyak kerajaan di seluruh dunia mengecam tindakan Hamas yang membunuh rakyat awam Israel, tetapi isunya bukan sahaja serangan Hamas, tetapi apakah punca serangan ini. Kedua adalah bagaimana tindak balas Israel terhadap serangan ini. Apabila dua isu ini diketengahkan, imej Israel kelihatan begitu buruk. Setiap manusia faham bahawa apa yang menyebabkan serangan 07 Oktober 2023 adalah layanan buruk yang diberikan kepada rakyat Palestin terutamanya di Gaza sejak sekian lama. Israel sering mengulangi ayat bahawa mereka berhak mempertahankan diri, tiada siapa mempersoalkan hak itu, persoalannya bagaimana Israel mempertahankan diri. Faktanya adalah Israel membunuh begitu ramai rakyat Palestin, mengebom tanpa henti, dalam proses ini reputasi Israel kelihatan buruk. Inilah apa yang sedang terjadi.

Sebelum peristiwa 07 Oktober 2023, orang-orang Arab di jalanan sudah mula hilang minat perihal persoalan Palestin. Malah kerajaan-kerajaan Arab termasuk kerajaan Islam seperti Iran telah hilang minat perihal perjuangan Palestin. Tetapi selepas 07 Oktober, situasi ini tidak lagi menjadi kes pada hari ini, orang-orang Arab di jalanan dan juga kerajaan mereka kini begitu bimbang dengan situasi di Palestin. Kerajaan Israel memang sejak sekian lama tidak berminat untuk membentuk dua negara (*two states solution*), ambisi mereka adalah untuk

mendirikan Israel Raya (*The Greater Israel*). Namun solusi dua negara ini sudah kembali diperkatakan, sekurang-kurangnya dalam bentuk retorik. Di masa hadapan Israel akan menghadapi masalah kerana ia akan didesak untuk menerima solusi dua negara termasuklah dari Presiden Amerika Syarikat. Kerana masyarakat mahu keluar dari kemelut ini, dan solusi dua negara adalah solusi terbaik yang mereka fikirkan.

Presiden Jimmy Carter merupakan presiden yang cuba dengan bersungguh-sungguh menjayakan solusi dua negara, tiada presiden selepas Carter yang lebih sedikit usahanya untuk cuba melaksanakan fasilitasi untuk solusi ini kecuali Joe Biden. Pentadbiran Biden memperuntukkan perhatian yang sangat rendah kepada solusi dua negara, kerana mereka dan kerajaan Netanyahu merasakan mereka sudah berjaya mengawal orang-orang Palestin, jadi tidak perlu untuk mengetengahkan solusi dua negara. Jika Presiden Joe Biden mengusahakan pelan untuk mewujudkan dua negara, dia bakal membayar harga politik kerana lobi Israel di Amerika Syarikat sangat komited mempertahankan kerajaan Netanyahu. Kerajaan Netanyahu pula langsung tidak berminat dengan solusi dua negara. Oleh itu, memang secara politik kita dapat fahami kenapa Biden tidak mahu mengutarakan solusi ini, dan juga Netanyahu merasakan dia dapat bertahan tanpa perlu memberikan hak kepada orang Palestin, namun semua ini tidak berjaya apabila situasi meletup pada 07 Oktober 2023. Peristiwa ini memberi masalah kepada Israel dan Amerika Syarikat.

Israel pada pandangan Mearsheimer berhak bertindak balas atas peristiwa 07 Oktober 2023, tetapi persoalannya bagaimana mereka bertindak balas. Jika kita melihat apa yang dilakukan di Gaza, ia membuatkan kita semua berasa sakit. Israel telah membunuh 7,000 warga Palestin, dari jumlah itu 3,000 adalah kanak-kanak. Israel sendiri mengakui bahawa mereka tidak berniat untuk melakukan serangan dengan tepat, sebaliknya mereka mahu melakukan kemusnahan yang besar. Mereka telah melaksanakan kemusnahan yang sangat besar, ini telah mencalarkan imej mereka dan memberi masalah kepada Israel dan Amerika Syarikat.

Menurut Mearsheimer, dua general dalam kabinet perang Israel mahu perang darat bermula, namun Netanyahu masih teragak-agak. Maksudnya di sini adalah posisi Netanyahu sendiri dalam kerajaan campurannya menghadapi masalah. Jika pun dia memulakan penjajahan ke atas Gaza, kesannya adalah malapetaka yang sangat buruk, Israel tidak boleh masuk ke dalam Gaza dan dengan mudah mengalahkan Hamas, ia tidak akan berlaku.

Tentera Amerika Syarikat yang dikerahkan ke bahagian konflik ini menurut Mearsheimer hanya bertujuan untuk mengelakkan pihak lain untuk masuk campur dalam peperangan ini. Amerika Syarikat bimbang akan penglibatan Hezbollah, Iran dan juga militia-militia lain yang telah mula menyerang posisi Amerika di Syria dan Iraq. Amerika menurut Mearsheimer tidak akan bersama secara langsung dalam operasi Israel untuk menjajah Gaza. Presiden Biden adalah seorang yang gila menurut Mearsheimer jika dia melibatkan tentera Amerika secara langsung. Biden akan membiarkan Israel menguruskan masalah ini, malah melibatkan tentera Amerika tidak akan membantu situasi yang sedang berlaku. Amerika tidak mempunyai formula istimewa untuk mengalahkan Hamas, tentera Israel yang telah berlatih untuk operasi ini, Amerika Syarikat telah belajar dari Perang Iraq, jika tentera memasuki bandar seperti Falujah atau Mosul, tentera tersebut tidak akan menang dengan mudah, begitu juga di Gaza. Ini akan menjadi masalah besar buat Israel termasuklah dalam soal politik domestik, di mana mereka akan mendapat lebih banyak tekanan dalaman, juga imej mereka di mata masyarakat antarabangsa akan semakin buruk.

Antara pemimpin yang telah berucap dengan panas mengkritik Israel adalah Presiden Recep Tayyip Erdogan dari Turkiye, walaupun retoriknya panas, pandangan Erdogan ini, menurut Mearsheimer dikongsi oleh masyarakat di luar Amerika Syarikat, Britain, dan Israel, ia masuk akal. Masyarakat dalam dunia Islam, masyarakat dalam sfera *global south*, termasuklah Rusia dan China mahukan keganasan segera dihentikan, dan mereka melihat sikap hipokrit Barat dalam membezakan Israel dan Palestin, sukar untuk kita menafikan hal ini. Menurut Mearsheimer pandangan bahawa Hamas bukan teroris sebaliknya pejuang pembebasan adalah hujah yang mempunyai legitimasi, Mearsheimer menambah bahawa ia adalah pejuang pembebasan yang menggunakan

taktik teroris. Hamas adalah pejuang pembebasan yang melawan polisi-polisi Israel, dan kadang kala mereka menggunakan kaedah teroris.

Menurut Mearsheimer, selepas perang ini berakhir, Netanyahu akan diturunkan dari kuasa. Apa yang berlaku hari ini mirip dengan peristiwa pada tahun 1973, ketika itu Golda Meir adalah perdana menteri Israel dan Moshe Dayan merupakan menteri pertahanan Israel. Ketika itu Israel diserang tanpa dijangka, ia merupakan serangan yang tidak dijangka seperti 07 Oktober 2023. Rakyat Israel ketika itu bersatu padu di belakang Golda Meir dan Moshe Dayan dan mereka mendapat kemenangan yang hebat. Mereka berjaya menawan Golan dari Syria dan menguasai Sinai daripada Mesir, tetapi selepas itu Meir dan Dayan diturunkan dari kuasa dan kerjaya politik mereka berakhir. Jika kita menilai persepsi rakyat Israel ketika ini, Netanyahu tidak mendapat sokongan dan bakal menghadapi situasi yang sama.

Peperangan kali ini juga telah membuka ruang diplomatik yang lebih besar bagi Rusia dan China. Presiden Putin telah mengeluarkan kenyataan bahawa Amerika Syarikat gagal menyelesaikan masalah Palestin, dan ini sememangnya tepat perihal pentadbiran Presiden Joe Biden. Sebab utama berlakunya perang di Timur Tengah adalah kerana kegagalan polisi Amerika Syarikat. Putin menggesa agar dilakukan penyelesaian dengan pembentukan dua negara dengan menghormati hak rakyat Palestin dan Israel.

---

**Transliterasi** ini adalah berdasarkan diskusi Prof. John Mearsheimer dalam *stream* bersama Judge Napolitano-Judging Freedom bertajuk *How the Israeli invasion of Gaza is hurting Israel?* yang berlangsung di atas talian pada 28 Oktober 2023.

**Rakaman** diskusi ini boleh diakses di pautan: https://www.youtube.com/watch?v=of5cEm6sFHM

**Professor John J. Mearsheimer** adalah R. Wendell Harrison Distinguished Service Professor di Jabatan Sains Politik, Universiti Chicago, di mana beliau mengajar sejak tahun 1982. Beliau adalah adalah ahli teori dalam bidang hubungan antarabangsa dan berfahaman realis. Fahaman ini berpegang bahawa kuasa besar mendominasi sistem internasional dan mereka saling bersaing dalam hal keselamatan sesama mereka, yang kadangkala menatijahkan peperangan. Beliau juga antara intelektual yang menentang Perang Iraq pada tahun 2003 sebelum ia berlangsung.